

Headline	80 kes HIV di Sandakan dalam tempoh 6 tahun	Language	Malay
Date	04 Apr 2011	Page No	3
MediaTitle	Harian Ekspres (KK)	Article Size	76 cm²
Section	Tempatan	Color	Black/white
Journalist	N/A	ADValue	157
Frequency	Daily	PRValue	471
Circ / Read	29,826 / 97,836		



80 kes HIV di Sandakan dalam tempoh 6 tahun

SANDAKAN: Daerah ini merekodkan jumlah kes jangkitan HIV yang tertinggi bagi sepanjang tempoh 2005 hingga 2010 iaitu sebanyak 80 kes berbanding 25 kes di Kinabatangan dan 15 kes di Beluran.

Presiden Persatuan Kumpulan Sokongan Aids Sandakan (SAGA), Dr. Zaiton Yahaya berkata, Sandakan mencatatkan kes tertinggi dalam tempoh enam tahun berkenaan membabitkan imigran jangkitan HIV menerusi hubungan seks luar nikah, penyalahgunaan dadah selain jangkitan ibu kepada bayi ketika dalam rahim ataupun semasa dilahirkan.

Katanya, kumpulan etnik Bumiputera mendominasi kes jangkitan HIV pada tahun lepas dengan 55 peratus diikuti kaum Cina dan bangsa asing yang masing-masing membabitkan 30 peratus dan 15 peratus.

"Kes jangkitan HIV di daerah ini semakin membimbangkan memandangkan jumlah individu yang dijangkiti semakin bertambah dari tahun ke tahun.

"Justeru, langkah mengurangkan peningkatan kes HIV di daerah ini perlu dipergiatkan oleh semua pihak menerusi kempen kesedaran dan ceramah kesihatan di kalangan masyarakat,"katanya.

Beliau berkata demikian pada Bengkel Kesedaran Aids dan Kesihatan Wanita di Pejabat SAGA, Bandar Indah di sini Sabtu lepas.

Sementara itu, berucap merasmikan program tersebut, isteri Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datin Lindai Lee berkata, masyarakat khususnya golongan wanita di daerah ini perlu memandang serius terhadap isu tersebut yang semakin meruncing.

Katanya, HIV merupakan sejenis virus yang memusnahkan sistem ketahanan badan seseorang yang boleh menyebabkan Aids yang berbahaya dan membawa maut.